

Bayi perempuan ditemui

Um 21/6/0
m/s 27

KUALA LUMPUNG Seorang bayi perempuan yang 'dibalut' dengan beg plastik ditemui di depan pagar sebuah rumah di Taman Ampang Utama, Ampang di sini hari ini.

Bayi yang masih sihat itu dan dianggarkan berusia kurang dua minggu ditemui seorang suri rumah kira-kira pukul 7.20 pagi ketika sedang membersihkan halaman rumahnya.

Suri rumah itu, yang mencurigai sebuah bungkusan plastik di depan rumahnya, terkejut apabila menemui bayi selepas membukanya.

Timbalan Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Supritendan Amiruddin Jalaluddin berkata, berdasarkan siasatan awal, pihaknya percaya bayi seberat tiga kilogram itu ditinggalkan antara lewat malam tadi hingga awal pagi ini.

"Bayi itu telah dihantar ke Hospital Ampang untuk rawatan susulan dan selepas ini, baru kita serahkan kepada JKM," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Amiruddin berkata, polis masih menjalankan siasatan bagi mengenal pasti ibu bapa bayi berkenaan.

Sehubungan itu, Amiruddin meminta orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian itu supaya menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya di talian 03-4252 2222 atau balai polis berhampiran.